

23/11/1999

Tiada isu baru, taring semakin tumpul

GEORGETOWN, Isnin - Taring DAP semakin tumpul dan hampir patah apabila tiada isu baru dan benar-benar mantap yang dapat dijadikan modal kempen mereka sepanjang kempen pilihan raya kali ini.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang sendiri hampir `rebah' apabila jumlah penyokong yang mengiringinya ke pusat penamaan calon Sabtu lalu, tidak sampai 100 orang.

Lim dalam ceramahnya juga mengaku kerajaan Barisan Nasional (BN) boleh mencapai kemenangan dalam pilihan raya kali ini dan hasrat DAP hanya cuba mengurangkan majoriti dua pertiga BN di Parlimen.

Beliau juga tidak yakin mencapai kemenangan mudah walaupun kawasan yang ditandingi itu pernah menjadi kubu kuat DAP.

Tindakan meninggalkan kubu kuatnya di kawasan Tanjung sehingga pernah popular dengan gelaran `Penghulu Tanjung' pula sesuatu yang dianggap pengecut dan menepati dakwaan Pengerusi BN negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Malah, calon BN kawasan Tanjung, Cheng Chee Gooi yang dikatakan sudah melengkapkan persiapan mental dan jasmani untuk menghadapi Kit Siang terkejut apabila Penghulu Tanjung itu bertukar kawasan.

Cheng percaya tindakan Kit Siang adalah bertujuan meraih simpati orang ramai, terutama pengundi kawasan berkenaan.

"Saya percaya tindakan DAP tidak akan berjaya sebaliknya akan menemui kegagalan kerana rakyat sedar taktik pembangkang, terutama DAP yang hanya pandai mengkritik.

"Sebaliknya, mereka (pembangkang) tidak ada wawasan bagi membuktikan kebenaran kata-kata yang diucapkan," kata Koh.

Beberapa penganalisis politik tempatan turut meramalkan kegagalan DAP di Pulau Pinang pada pilihan raya kali ini. Ini berdasarkan sokongan kuat masyarakat Cina terhadap kepimpinan Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

"Masyarakat Cina di Pulau Pinang sedar betapa perlunya kerajaan yang mantap dan kuat. Mereka belajar daripada pengalaman, terutama pergolakan politik negara jiran, Indoenesia," kata seorang peniaga di Lebu Chulia, Mohd Kader Abdul Karim, 45.

Menurutnya, kegagalan Kit Siang melawat kawasan pilihan raya termasuk kawasan sekitar Jalan Transfer ketika menjadi Ahli Parlimen Tanjung turut menjadi faktor penyebab perpindahannya ke Tanjung Bungah.

Ketika mengulas mengenai perpindahan tokoh DAP itu, Koh yang juga Ketua Menteri menyifatkan tindakan Kit Siang umpama `seekor katak yang suka melompat'.

Kata-kata Koh itu cukup berasas kerana sejak 20 tahun lalu Kit Siang membuat `empat lompatan' dari kawasan Parlimen Kota Melaka (1978) ke kawasan Parlimen Petaling Jaya (1982), seterusnya ke Parlimen Tanjung (1986) dan akhirnya Parlimen Bukit Bendera.

(END)